



## **RM103.8 juta selesai masalah air di Tioman**

Disember 1, 2022 @ 9:47pm

**ROMPIN:** Kerajaan Negeri Pahang memperuntukkan RM103.8 juta bagi pelaksanaan tujuh projek untuk mengatasi masalah bekalan air bersih di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Tioman.

Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail, berkata dua daripada tujuh projek itu sudah siap dilaksanakan iaitu Loji Rawatan Air (LRA) Sepayang bagi meningkatkan tekanan air, bulan lalu dan projek membekal air terawat di Kampung Merlak, pada April lalu.

Beliau berkata, lima lagi projek masih dalam proses prapembinaan iaitu membina dan menyiapkan LRA Sepayang Fasa Dua, pembinaan rumah pam dan tangki sedutan di Tanjung Gemuk serta pemasangan paip dari retikulasi LRA Selendang ke tangki perkhidmatan Parit Raja.

Selain itu, katanya, pemasangan paip merentasi Sungai Anak Endau dan projek bekalan air luar bandar Kampung Tekek di Pulau Tioman.

"Semua projek di bawah kelolaan Pengurusan Air Pahang Berhad (PAIP) itu dijadualkan siap di antara Disember 2023 hingga 2025.

"Projek ini bakal memanfaatkan lebih 10,000 penduduk di kawasan DUN Tioman. Ini adalah antara usaha kita untuk menyelesaikan masalah air di Pahang, yang dijalankan secara berperingkat," katanya kepada pemberita selepas menghadiri Majlis Penerangan Isu Air Bersih, di sini, hari ini.

Selain Tioman, Wan Rosdy berkata, kerajaan negeri juga menyasarkan untuk menyelesaikan 90 peratus masalah bekalan air bersih di seluruh Pahang dalam tempoh lima tahun.

Sehubungan itu, beliau berkata, adalah tidak tepat untuk mengatakan kerajaan negeri tidak mengambil berat berhubung masalah bekalan air di negeri itu, namun penyelesaiannya mengambil masa dan perlu dilakukan secara berperingkat.

Pada persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Pahang Ogos lalu, Wan Rosdy berkata, kerajaan negeri serius untuk menyelesaikan masalah air di Pahang dan memperuntukkan RM2.3 bilion untuk tujuan itu. - BERNAMA



Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail, berkata Kerajaan Pahang laksana tujuh projek untuk tangani masalah bekalan air di Tioman, bakal memanfaatkan lebih 10,000 penduduk di kawasan itu.